



Bersama pasukan inovasi My2nd Eye.



Muhyiddin (dua, kanan) bersama OKU penglihatan semasa pelancaran produk My2nd Eye pada 2014.

My2nd Eye

Produk My2nd Eye berperanan membantu orang kurang upaya (OKU) penglihatan mengesan halangan di atas paras badan sekali gus memberi isyarat kepada pengguna arah halangan bagi memudahkan pergerakan dengan penggunaan sensor elektronik.

Idea membantu OKU ini terhasil dari penglibatan awal Pensyarah Kanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem), Ir Anuar Mohamed Kassim sebagai penterjemah di program lawatan Jabatan Kebajikan Masyarakat ke Jepun pada tahun 2009 semasa melanjutkan pengajian sarjana dan lawatan ke Pertubuhan Orang Buta Malaysia Melaka pada 2011.

Niat membantu dan memudahkan OKU penglihatan bergerak dengan selamat seperti insan lain menjadikan idea produk ini terhasil. Berbanding OKU lain, OKU penglihatan sukar bergerak akibat kurang

Inovasi bantu OKU penglihatan

informasi kerana 90 peratus informasi diterima dari mata atau visual untuk diproses oleh akal fikiran.

Walaupun bagaimanapun, menurut Anuar, produk ini hanya salah satu solusi membantu mengesan bahagian atas badan mereka sahaja, tidak termasuk sistem navigasi.

"Kini, saya sedang membuat penyelidikan di peringkat PhD bagi membangunkan sistem navigasi bagi orang kelainan penglihatan. Produk ini sebenarnya mula diusahakan sejak tahun 2011 sehingga kini dengan melalui beberapa fasa penyelidikan dan penambahbaikan.

"Mulanya penyelidikan tingkat putih elektronik bagi membantu OKU penglihatan bergerak. Walau bagaimanapun sistem pengesanan di bahagian atas badan lebih diutamakan bagi mengurangkan kemalangan serta kecederaan apabila pelanggaran dengan halangan terাপung," katanya.

Menurutnya, produk ini dibangunkan bersama rakan sekerja dan siswa seperti Awangku Khaiful Ridzwan Awangku Jaya, Muhammad Hsan Sabri, Arman Hadi Azahar, Md Nazri Othman dan Muhammad Herman Jamiluddin. Pengerusi Pertubuhan Orang Buta Malaysia Melaka, Hashim Ishak dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah juga banyak membantu bagi mempromosi dan merealisasikan produk ini.

Mengulas lanjut, Anuar berkata, produk ini dibangunkan bagi OKU penglihatan berdepan kesukaran bergerak melainkan dengan bantuan orang lain atau dengan tongkat putih.

"Tapi dengan hanya guna tongkat putih, mereka tidak dapat di bahagian atas badan mereka seperti halangan terাপung, dahan,



My2nd Eye

cermin sisi trak yang keluar, belakang tangga, papan tanda dan sebagainya.

"Berdasarkan beberapa kajian dan tinjauan juga mendapati setiap OKU penglihatan pasti akan mengalami pelanggaran di bahagian kepala. Oleh itu, sistem pengesanan tanpa menggunakan cara sentuhan diaplikasikan dengan menggunakan sistem bagi mengesan halangan di bahagian atas badan. Apabila sistem ini mengesan halangan, arahan serta beep penggera akan diberi bagi memudahkan mereka mengetahui arah halangan yang perlu dielak mengikut jarak halangan dari pengguna," katanya.

MAHU PASARKAN PRODUK DI DALAM DAN LUAR NEGARA

Protekaip produk ini mula didaftarkan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dari syarikat Standard Chartered (M) Sdn Bhd yang dilancarkan mantan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 2014.

"Setakat ini, saya masih tidak mengeluarkannya kerana sedang melanjutkan pelajaran di peringkat PhD. Insya-ALLAH akan meneruskan pada 2018 setelah tamat pengajian.

Terdapat beberapa produk pesaing dikenal pasti seperti *Braimport*, *Ultracone* dan *Bionic spectacle*. *Bionic spectacle* (187,000 USD) memerlukan pembedahan kecil bagi meletakkan cip di mata pengguna untuk membolehkan mereka mengesan halangan. Manakala *Braimport* (10,000 USD) menggunakan lidah sebagai alat pengesanan halangan. *Ultracone* (800 USD) pula guna konsep tongkat elektronik mengesan halangan di atas badan. Walau bagaimanapun, sistem pengesanan dan penggera yang mudah dan kos rendah ini memudahkan untuk mereka menggunakannya sambil menutup mata mereka," katanya.

Harapan pensyarah muda berusia 34 tahun ini agar dapat membantu mereka memerlukan dengan memasarkan produk

ini di seluruh Malaysia dan luar negara seperti di Jepun yang masih tidak terdapat produk seumpamanya.

Selain itu, penyelidikan dan pembangunan produk seperti navigasi dan produk rehabilitasi bagi membantu OKU lain juga dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti hidup.

Terdahulu, melalui produk inovasi My2nd Eye ini juga, Anuar dipilih daripada sebanyak 51 pencalonan dari 21 buah negara untuk meraih Anugerah Usahawan 2016 pada majlis simposium anjuran Yayasan Takeda di University of Tokyo Jepun, sekali gus berjaya membawa pulang sijil dan wang tunai RM7,800.



Anuar ketika menerima anugerah di simposium anjuran Yayasan Takeda di Jepun, baru-baru ini.



Contoh papan tanda rendah.